



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **400-5//3/(01)**

Tarikh : **09 Oktober 2015**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN PENYEDIAAN BORANG INPUT FAIL INDUK BAYARAN PENDAHULUAN DIRI (JBN.25 LAMPIRAN A) DAN BORANG INPUT BAYARAN BALIK PENDAHULUAN DIRI (JBN.26 LAMPIRAN B)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut diatas.

2. Diperhatikan bahawa masih terdapat Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah yang **tidak mengemukakan** Borang Input JBN.25 Lampiran A dan Borang Input 26 Lampiran B kepada Jabatan Bendahari Negeri semasa membuat bayaran atau bayaran balik Pendahuluan Diri.
3. Terdapat juga Jabatan/Kementerian/Pejabat Daerah yang menyediakan Borang Input JBN.25 dan Borang Input JBN.26 yang **tidak lengkap**. Keadaan ini telah menyebabkan masalah untuk menentukan jenis pendahuluan diri dan juga kelewatan memproses penutupan Lejar Subsidiari Bulanan Akaun Pendahuluan Diri di Jabatan Bendahari Negeri.
4. Dimaklumkan juga bahawa Jabatan Bendahari Negeri sedang dalam perancangan untuk menyediakan Lejar Subsidiari Akaun Pendahuluan Diri melalui Sistem Akaun Utama. Tujuan lejar subsidiari ini adalah untuk memudahkan Pegawai Pengawal mengesan maklumat lengkap **jenis Akaun Pendahuluan Diri yang belum diselesaikan dan nama pegawai yang bertanggungjawab ke atas Pendahuluan Diri tersebut.**



RUJUKAN: 400-5//3/(01)

TARIKH: 09 OKTOBER 2015

TAJUK: PEMBERITAHUAN PENYEDIAAN BORANG INPUT FAIL INDUK BAYARAN PENDAHULUAN DIRI(JBN.25 LAMPIRAN A) DAN BORANG INPUT BAYARAN BALIK PENDAHULUAN DIRI (JBN.26 LAMPIRAN B)

5. Sekiranya borang input tersebut tidak kemukakan atau tidak lengkap diisi oleh Jabatan/Kementerian, maka maklumat peminjam Pendahuluan Diri tidak dapat dikemaskini dan tidak tepat.

6. Disamping itu, Pekeliling Kementerian Kewangan melalui rujukan KEW.400-8/9/(166) bertarikh 03 Julai 2014 telah menegaskan tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah untuk mematuhi penggunaan Arahan Pendahuluan Diri yang teratur mengikut jenis/kategori seperti berikut:-

(a) Akaun Pendahuluan Diri Pelbagai(AP.54)

Digunakan atas nama jawatan Ketua Jabatan yang melibatkan perbelanjaan pelaksanaan program/aktiviti Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah.

(b) Akaun Pendahuluan Diri(AP.54)

Digunakan atas nama pegawai yang melibatkan perbelanjaan berkaitan diri pegawai.

(c) Akaun Pendahuluan Diri untuk Perbelanjaan Darurat(AP.55)


Digunakan atas nama Pegawai yang melibatkan perbelanjaan dalam keadaan yang luar biasa dan melibatkan kepentingan perkhidmatan awam.

7. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak YBng. Datuk/tuan/puan untuk memastikan **Borang JBN 25 dan JBN 26** tersebut disediakan dan dilengkapi dengan teratur.

8. Jika terdapat sebarang pertanyaan, YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri(PBN/PAA) atau Akauntan/PAA melalui talian terus 088-252279/088272521.

Sekian, terima kasih dan harap maklum.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

X 
(CHULNGET NGO)
Bendahari Negeri